

Penagih dadah Melayu diberkas berkurangan

Jumlah penagih secara keseluruhan bertambah 2%

► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

BILANGAN penagih dadah Melayu bertenan dan baru yang diberkas berkurangan tahun lalu, tetapi penghidu gam Melayu yang ditangkap pula bertambah.

Seramai 1,708 penagih dadah Melayu ditangkap tahun lalu, berbanding 1,773 pada 2012. Ini bermakna kurang 4 peratus.

Namun, penghidu gam Melayu yang diberkas meningkat kepada 50 orang tahun lalu, berbanding 34 pada 2012.

Belia berusia bawah 20 tahun membentuk kumpulan terbesar keseluruhan penghidu gam yang diberkas tahun lalu, selitar 41 peratus.

Perangkaan terkini itu didedahkan Biro Narkotik Pusat (CNB) semalam.

Bilangan penagih dadah India yang diberkas tahun lalu juga berkurangan, sebanyak 5 peratus kepada 538 orang.

Namun, jumlah penagih Cina bertambah 14 peratus kepada 1,257 orang.

Perangkaan CNB itu menunjukkan trend serupa di



ENCIK MASAGOS: Ketabahan dan kerja keras masyarakat Melayu mula menunjukkan tanda positif.

kalangan penagih dadah baru.

Jumlah penagih baru Melayu berkurangan 10 peratus kepada 513 orang tahun lalu, berbanding 568 pada 2012.

Penagih baru India berkurangan 8 peratus, manakala penagih baru Cina bertambah 26 peratus.

Secara keseluruhan, bilangan penagih yang diberkas tahun lalu bertambah 2 peratus, kepada 3,574 orang berbanding 3,507 pada 2012.

Penagih Melayu membentuk kumpulan terbesar iaitu 48 peratus, sementara penagih Cina 35 peratus, India 15 peratus dan kaum lain 2 peratus.

Ketika dihubungi *Berita Harian* semalam, Menteri Negara Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, berkata beliau gembira bilangan penagih dadah baru Melayu terus berkurangan.

"Masyarakat, dengan pimpinan badan bantu diri seperti Mendaki dan Angkatan Karyawan Islam (AMP), tidak mengelak daripada masalah itu. Ketabahan dan kerja keras kita telah mula menunjuk tanda positif.

"Kita perlu menanam pemikiran betul terhadap dadah dalam diri belia kita, dan memperkasakan mereka untuk menolak dadah," kata Encik Masagos, yang juga pengerusi Pasukan Bertindak Dadah.

Beliau menambah bahawa usaha memerangi dadah mengambil masa, oleh itu masyarakat harus terus meningkatkan usaha bersama itu.

Mengenai penghidu gam, 62 pesalah Cina ditangkap tahun lalu berbanding 68 pada 2012, manakala pesalah India 16 orang berbanding 20 pada 2012.

Perangkaan CNB turut mendedahkan 69 peratus penagih yang diberkas tahun lalu ialah penagih berulang, sementara 31 peratus penagih baru.

Sepuluh daripada penagih baru itu berusia antara 20 dengan 29 tahun.

CNB menyatakan ia akan terus menggiatkan usaha memerangi dadah dengan tumpuan pada pendidikan pencegahan dan penguatkuasaan intensif.

Tahun lalu CNB, dengan kerjasama polis, menjalankan 46 operasi besar, termasuk 19 operasi serata negara, dan berjaya menumpaskan 20 sindiket dadah.